

17/11/1997

## Perhimpunan bantah usul

Idzham Hadi Sidik

MELAKA, Ahad - Majlis Belia Malaysia (MBM) dijangka mengadakan perhimpunan raksasa bagi membantah tindakan ahli Kongres Amerika Syarikat yang mahukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan berhubung kenyataan beliau yang didakwa sebagai anti-Yahudi.

Berikutan itu, kira-kira 1.8 juta ahli Majlis Gabungan Belia Malaysia (MGBM) akan menghadiri perhimpunan itu jika kerajaan Amerika meluluskan usul kongres itu.

Pengerusinya, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata MBM kesal dengan tindakan ahli Kongres yang cuba membuat usul serta mempengaruhi tiga suku daripada ahlinya untuk meminta Dr Mahathir memohon maaf atau meletak jawatan.

Katanya, MBM akan melakukan pelbagai usaha bagi menyokong Perdana Menteri yang mampu mentadbir negara ini dengan baik serta mengecapi pelbagai kejayaan.

Menurutnya, MBM tidak akan membiarkan pengaruh luar yang cuba menggugat pentadbiran berdaulat negara ini.

"Tindakan itu menunjukkan sikap sombong serta ego mereka dan perbuatan meminta Mahathir meletak jawatan juga untuk menarik perhatian pengundi menjelang pemilihan di negara mereka nanti," katanya.

Suhaimi berkata demikian selepas menghadiri perasmian mesyuarat agung tahunan MGBM di Kompleks Belia dan Sukan Ayer Keroh dekat sini, hari ini.

Mesyuarat agung itu dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan Negeri, Datuk Noordin Yaani yang mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

Antara yang turut hadir pada majlis itu ialah, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Zainal Abidin Ahmad; Pengerusi MGBM Negeri, Mat Sirat Abu dan Pengurus Besar Perbadanan Muzium Melaka (Perzim), Mohd Jamil Mukmin.

Pada majlis itu juga mereka mengadakan demonstrasi di perkarangan kompleks Belia dan Sukan bagi membuktikan MBM akan terus menyokong pentadbiran Perdana Menteri serta timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Suhaimi, dakwaan ahli Kongres Amerika yang mengatakan negara ini anti-Yahudi tidak benar dan ini terbukti apabila pasukan kriketnya di terima bertanding di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau menjelaskan, pada mulanya MBM sememangnya menentang kehadiran pasukan kriket itu tetapi apabila Perdana Menteri menjelaskan kedudukan sebenar untuk menerima kedatangan mereka, MBM dapat menerimanya.

"Peristiwa membenarkan Israel bertanding ada hikmatnya dan terbukti rakyat Malaysia tidak anti Yahudi tetapi kita tidak dapat menerima ideologi zionis yang mereka amalkan.

(END)